



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

SIARAN MEDIA

PENUBUHAN COMWEL SATU LANGKAH PRAGMATIK DALAM MEDAYAUPAYAKAN SOSIOEKONOMI WANITA

Saya dan seluruh warga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada YB Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas penubuhan Majlis Pimpinan Politik Wanita Malaysia atau *Council of Malaysia Women Political Leaders* (COMWEL) dan pelancaran buku “Wanita Berdaya Harapan Negara” pada 8 Mac 2021.

Saya juga menyokong hasrat penuh COMWEL untuk mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kesatuan Parlimen Antarabangsa di antaranya adalah keutamaan kepada wanita menerusi rang undang-undang, polisi dan dasar yang menjurus kepada kesaksamaan gender serta mempertingkatkan usul-usul pemerksaan wanita untuk dibahaskan di dalam Parlimen Malaysia dengan mengadakan keseimbangan jumlah representasi gender dalam kalangan perwakilan. Selain daripada penekanan kepada peruntukan yang lebih mesra wanita, setiap pembangunan dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan mestilah peka terhadap isu dan keperluan wanita Malaysia.

Sebagai makluman, pihak MEDAC juga telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Keusahawanan Wanita (JIKW) yang dipengerusikan oleh saya sendiri bagi memperkasa keusahawanan wanita dan mewujudkan sinergi yang lebih bersepadu dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian, Agensi Kerajaan, Koperasi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Saya yakin usaha ini dapat dicapai dan sokongan semua pihak merupakan satu manifestasi pengiktirafan kepada peranan wanita dalam pembangunan negara. Usaha ini merupakan agenda yang holistik dan perlu diperjuangkan secara sistematik. Justeru, saya amat berbesar hati untuk bersama-sama dengan kepimpinan COMWEL dalam mengoptimuskan agenda pemberdayaan wanita dan pengarusperdanaan gender di Malaysia.

DATUK WIRA HAJJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
8 MAC 2021